



کمترین سومبر ۲ اوتمان دان ڦانچو ٿن

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

KENYATAAN AKHBAR

PENGELUARAN KOMODITI AYAM PEDAGING PARA PENGUSAHA TEMPATAN DIJANGKA MENINGKAT BAGI TAHUN 2020

12 Rabiulakhir 1442 / 28 November 2020 (Hari Sabtu)

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam kenyataan akhbarnya hari ini memaklumkan bahawa tren data pengeluaran bagi industri ternakan khususnya komoditi ayam pedaging di Negara ini terus menunjukkan pertumbuhan positif 1.4% dimana keluaran bagi tempoh lima tahun kebelakangan adalah meningkat daripada 23,264 tan metrik pada tahun 2015 kepada 24,584 tan metrik pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 1,320 tan metrik. Data pengeluaran bagi Suku Ketiga 2020 (Q3 2020) juga turut menunjukkan peningkatan keluaran sebanyak 6,643 tan metrik berbanding 6,350 tan metrik bagi suku yang sama tahun lalu, iaitu pertumbuhan 4.6%. Ini adalah merupakan satu perkembangan yang amat menggalakkan khususnya dalam situasi Negara sedang menghadapi cabaran pandemik COVID-19 agar memastikan pengeluaran dari industri ayam pedaging tidak terjejas.

Berpandukan kepada tren pengeluaran semasa, industri ayam pedaging bagi tahun 2020 juga dijangka akan merekodkan pertumbuhan positif dimana setakat bulan Oktober 2020, pengeluaran telah meningkat secara berterusan sebanyak 22,248 tan metrik berbanding 20,426 tan metrik dalam tempoh yang sama pada tahun lalu, iaitu peningkatan sebanyak 8.9%. Bagi tahun 2021, berpandukan perkembangan semasa dengan beberapa buah syarikat sedang melaksanakan pembinaan reban-reban baru, adalah dianggarkan pertumbuhan sekitar 9.6% dengan jangkaan tambahan keluaran sebanyak 2,479 tan metrik. Peningkatan ini adalah selaras dengan Visi dan Misi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk terus meningkatkan keluaran dan pertumbuhan dalam industri sumber-sumber utama bagi menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan juga kepelbagaian pembangunan ekonomi di Negara ini.

Hasil tinjauan ke beberapa pengusaha pengeluar ayam pedaging di Negara ini, rata-rata amat berpuas hati dengan perkembangan semasa keluaran hasil ladang masing-masing yang meningkat. Salah sebuah syarikat pengeluar terkemuka di Negara ini dengan peningkatan keluaran sebanyak 785 tan metrik setakat bulan Oktober 2020, iaitu 5,574 tan metrik berbanding 4,789 tan metrik dalam tempoh yang sama tahun 2019 berkata syarikat berkenaan sedang membangunkan beberapa buah reban berskala besar yang akan menambah lagi keluaran syarikat berkenaan mulai tahun 2021. Ini diharap akan dapat membantu bagi menampung keperluan permintaan para pelanggan di Negara ini yang semakin bertambah.

Dalam tinjauan ke pasaraya-pasaraya di Negara ini, permintaan semasa terhadap komoditi ayam pedaging juga dilaporkan meningkat menjelang musim cuti persekolahan akhir tahun yang akan tiba dengan orang ramai di Negara ini dijangka akan menghabiskan musim percutian dalam negara. Beberapa buah syarikat pasaraya terkemuka yang ditemui juga mengakui bahawa permintaan ayam pedaging pada masa ini sungguh menggalakkan dengan jualan habis tidak sampai ke petang disebabkan oleh faktor permintaan yang tinggi.

Berkenaan desas desus mengatakan terdapatnya kekurangan bekalan ayam pedaging di pasaran pada masa ini, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telahpun mengadakan perbincangan dengan sebilangan pengusaha yang seterusnya menyatakan kesediaan untuk meningkatkan keluaran bagi menjamin bekalan ayam pedaging di Negara ini sebagai langkah intervensi jangka pendek, jika diperlukan. Ini adalah mengambilkira jangkaan permintaan domestik yang akan meningkat dengan aktiviti hujung tahun di Negara ini yang lazimnya akan dipenuhi dengan berbagai majlis keraian dan acara diadakan sempena sambutan tahun baru, dan Tahun Baru Cina pada awal tahun depan.

Dalam pada itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyeru kepada para peniaga pasaraya agar tidak melakukan sebarang kegiatan perniagaan tidak beretika seperti menyorok ataupun menghadkan bekalan ayam pedaging kepada pelanggan dengan kemungkinan maksud untuk mengambil kesempatan bagi meningkatkan harga komoditi berkenaan. Para peniaga pasaraya, restoran, penyedia perkhidmatan katering, dan syarikat pemprosesan makanan di Negara ini juga dinasihatkan untuk mengelak membuat permintaan secara mendadak yang akan memberikan risiko tidak dapat dipenuhi. Juga disarankan untuk membuat perjanjian pembekalan secara berkontrak jangka panjang ataupun membuat tempahan lebih awal dengan pengeluar ayam pedaging bagi memastikan bekalan adalah terjamin.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama agensi-agensi yang berkepentingan akan sentiasa memantau perkembangan dan menangani secara bersama melalui '*Whole of Nation Approach*' untuk memastikan bekalan makanan adalah terjamin. Kementerian juga berharap agar orang ramai dan juga para pelanggan akan terus menyokong keluaran pengusaha tempatan dalam hasrat untuk meningkatkan pengeluaran daripada industri ternakan di Negara ini.

Disediakan oleh:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Negara Brunei Darussalam.

26 November 2020.